

1. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.



Kempen antirasuah dengan besar-besaran akan dilancarkan oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

	Kesalahan	Pembetulan
A	antirasuah	anti rasuah
B	dengan	secara
C	besar-besaran	besar-besar
D	dilancarkan	dilancar

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

2. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Cuaca pada bulan ini sungguh panas, sementara hujan bukan turun langsung.

	Kesalahan	Pembetulan
A	pada	di
B	sungguh	sekali
C	sementara	sehingga
D	bukan	tidak

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

3. Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat yang berikut **mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak**.

Tandakan sama ada **A, B atau C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika **tiada kesalahan**.

Apa yang tidak dapat menyesuaikan diri semasa berada di perantauan sudah tentu akan menghadapi masalah.

- ☐ A Slapa yang bukan dapat
☐ B Sesiapa yang tidak dapat
☐ C Apa-apa yang tidak boleh
☐ D Apa yang tidak dapat

4. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Pakaian dan makanan yang hendak didermakan pada mangsa banjir akan dikumpulkan di Rumah Bakti.

	Kesalahan	Pembetulan
A	didermakan	menderma
B	pada	kepada
C	dikumpulkan	di kumpulkan
D	di	ke

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

5. Ayat-ayat di bawah ini mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D. Pilih jawapan yang paling sesuai.



Gadis yang tinggi lampai itu kelihatan cantik apabila memakai baju kurung yang dibuat daripada kain sutera.
A B
C D

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

6. Dalam ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Pasukan hoki sekolah itu kecewa sekali kerana mendapat tempat paling tercorot dalam perlawanan tersebut.

	Kesalahan	Pembetulan
A	kecewa sekali	terlalu kecewa sekali
B	kerana	selagi
C	paling tercorot	tercorot
D	dalam	di dalam

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

7. Ayat-ayat di bawah ini mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D. Pilih jawapan yang paling sesuai.

Cis, bergayanya kamu dengan kereta baharu! Kereta siapakah ini? Jangan berselindung dengan saya.
A B C
D

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

8. Ayat-ayat di bawah ini mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D. Pilih jawapan yang paling sesuai.

Makanan di restoran itu lazat tetapi harganya agak mahal jika sekiranya dibandingkan dengan restoran lain.
A B C
D

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

9. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.



Perniagaan nasi lemak Puan Siti Aishah di gerai seberang jalan itu amat terlaris.

	Kesalahan	Pembetulan
A	perniagaan	peniagaan
B	di	ke
C	itu	situ
D	amat terlaris	amat laris

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

10. Bahagian yang **bergaris** dalam ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan bahasa dan mungkin juga tidak.
Tandakan sama ada **A, B atau C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika tiada kesalahan.

Kami berharap agar para penonton masih bersama kami dalam rancangan bual bicara tentang topik kesihatan mental ini.


- ☐ A bersama kami di dalam
☐ B bersama dengan kami di dalam
☐ C bersama dengan kami dalam
☐ D bersama kami dalam

11. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Safwana menaruh harap untuk melanjutkan pelajaran di Universiti Teknologi Petronas.

	Kesalahan	Pembetulan
A	harap	harapan
B	untuk	demi
C	melanjutkan	melanjut
D	di	ke

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D




	Kesalahan	Pembetulan
A	memperlebar	memperlebar
B	kerana	sekiranya
C	yang	untuk
D	dalam	di dalam

13. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

	Kesalahan	Pembetulan
A	menyeru	diseru
B	para penuntut-penuntut	para penuntut
C	terpilih	pemilihan
D	demi	untuk

14. Ayat di bawah ini mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D. Pilih jawapan yang paling sesuai.

15. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.



Gadis yang berbaju kurung itu sebenarnya tidak kerani tetapi setiausaha kepada Pengarah Urusan syarikat tersebut.

	Kesalahan	Pembetulan
A	sebenarnya	sebenar
B	tidak	bukan
C	tetapi	atau
D	setiausaha	setia usaha

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

16. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Tragedi ngeri di lebuhraya itu sudah lama berlalu tetapi masih tetap Kamelia ingati.

	Kesalahan	Pembetulan
A	di	dari
B	sudah	pernah
C	tetapi	walaupun
D	Kamelia ingati	diingati oleh Kamelia

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

17. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Pulau Tioman yang begitu popular dalam kalangan pelancong tercatat dalam senarai sepuluh buah pulau yang tercantik sekali di dunia.

	Kesalahan	Pembetulan
A	begitu popular	agak popular
B	dalam kalangan	di kalangan
C	dalam senarai	di dalam senarai
D	tercantik sekali	tercantik

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

18. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.



Kerajaan akan memberikan penghargaan kepada atlet yang telah mengharum nama negara pada peringkat antarabangsa.

	Kesalahan	Pembetulan
A	kepada	pada
B	yang	agar
C	mengharum	mengharumkan
D	pada	di

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

19. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Ayah memberitahu kami bahawa beliau pernah menaiki mini bas semasa bekerja di Shah Alam dahulu.

	Kesalahan	Pembetulan
A	bahawa	yang
B	beliau	mereka
C	pernah	akan
D	mini bas	bas mini

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

20. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Kegunaan e-mel yang meluas melalui kemudahan Internet menyebabkan perkhidmatan telegram ditamatkan.

	Kesalahan	Pembetulan
A	Kegunaan	Penggunaan
B	menyebabkan	disebabkan
C	perkhidmatan	khidmat
D	ditamatkan	ditamat

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D